

# Budak tadika lebam didera ibu kandung

BH 6/8/2011 MS 21

## JKM Melaka kategorikan keluarga mangsa bermasalah

Oleh Nurhasyima Hasim

nurhasyima@bharian.com.my

**A**YER KEROH: Seorang kanak-kanak lelaki berusia lima tahun dari Bukit Rambai, dekat sini dipercayai menjadi mangsa dera ibu kandungnya hingga mengalami lebam pada beberapa bahagian badan termasuk tangan.

Difahamkan kejadian terbabit disedari guru tadika mangsa selepas seminggu budak itu mengalami penderaan sebelum laporan polis dibuat di Balai Polis Batang Tiga.

Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri, Daud Arbah mengesahkan menerima laporan kes berkenaan dan pihaknya sudah mengambil tindakan menyelamatkan anak ketiga daripada empat beradik terbabit.

Katanya, Pegawai Pelindung Kanak-Kanak JKM Melaka Tengah, Muslim Abdullah dan Nurhezlin Jaafar sudah membuat permohonan bagi perintah penjagaan sementara kanak-kanak terbabit di Mahkamah Majistret Ayer Keroh, kelmarin.

"Kita mendapat perintah mahka-



**KANAK-KANAK** lelaki lima tahun dipercayai menjadi mangsa dera ibu kandungnya.

mah menempatkan kanak-kanak itu di bawah penjagaan orang yang layak iaitu ibu saudaranya mengikut peruntukan Seksyen 17 (1) (e) Akta Kanak-Kanak 2011," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sebelum kejadian itu, pegawai JKM negeri difahamkan sudah melawat mangsa di rumahnya dan membawa mangsa mendapatkan

rawatan di Hospital Melaka dengan doktor yang merawatnya percaya kanak-kanak itu didera berdasarkan kesan kecederaan dialaminya.

Siasatan awal mendapati keluarga mangsa dikategorikan bermasalah kerana ibunya terbabit dalam penyalahgunaan dadah selain dipercayai bernikah melalui sindiket dan perkahwinannya tidak didaftarkan.